NO. SOALAN : 108

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS,

PERTANYAAN	**:**	**LISAN**
DARIPADA	**:**	**YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN ABDUL AZIZ** **[BACHOK]**
TARIKH MENJAWAB	**:**	**4 JULAI 2019**

SOALAN NO. 108

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian terkini Kerajaan terhadap Akta Anti Berita Tidak Benar.

JAWAPAN:

Yang Di-Pertua,

1. Fasal (2) Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut:

> "(2) Jika—
>
> *(a)* sesuatu Rang Undang-Undang yang bukan suatu Rang Undang-Undang wang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan, setelah dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal itu, Rang Undang-Undang itu tidak diluluskan oleh Dewan Negara atau diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat; dan
>
> *(b)* dalam penggal yang berikutnya (sama ada di dalam Parlimen yang sama atau tidak) tetapi tidak lebih awal daripada setahun selepas Rang Undang-Undang itu mula-mula diluluskan oleh Dewan Rakyat, Rang Undang-Undang yang sama, tanpa apa-apa perubahan lain selain yang disebut dalam Fasal (3), diluluskan sekali lagi oleh Dewan Rakyat dan dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal itu dan tidak diluluskan oleh Dewan Negara atau diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat,
>
> maka Rang Undang-Undang itu hendaklah, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Dewan Rakyat, dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya dengan apa-apa pindaan, jika ada, sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kedua-dua Majlis Parlimen.".

2. Dalam hal penolakan Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 di Dewan Negara, Fasal (2) Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan Rang Undang-Undang

Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 tersebut perlu dibentangkan semula di Dewan Rakyat dan diluluskan sekali lagi oleh Dewan Rakyat. Selanjutnya, Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 perlu dihantar ke Dewan Negara. Proses ini tidak boleh dimulakan lebih awal dan hanya boleh dimulakan setahun selepas Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 mula-mula diluluskan oleh Dewan Rakyat. Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Ogos 2018. Oleh itu, proses ini hanya boleh dimulakan selepas 16 Ogos 2019 dan pembentangan Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 boleh dibuat pada Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Parlimen Keempat Belas.

3. Selepas Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 dibentangkan semula di Dewan Negara, sama ada Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 diluluskan ataupun tidak, Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya untuk menjadi suatu undang-undang.

Sekian, terima kasih.